

**PCM Lancar Manifesto Tumpu 10 Perkara Untuk PRK Parlimen Bukit Gelugor**  
**Bernama**  
**Mei 14, 2014**

GEORGE TOWN, 14 Mei (Bernama) -- Naib Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM) Datuk Huan Cheng Guan melancarkan manifesto parti itu pada pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gelugor yang memberi tumpuan kepada 10 perkara pada hari Rabu.

Manifesto yang bertemakan 'Bersama Kita Majukan Pulau Pinang Ke Hadapan' itu disediakan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin.

Huan yang juga calon PCM pada pilihan raya kecil itu, berkata antara perkara utama dalam manifesto itu ialah memerangi jenayah dan masalah sosial bersama-sama polis, pembasmian rasuah di kalangan parti politik dan berusaha melobi untuk memperbanyakkan pembinaan rumah kos rendah khususnya di kawasan Parlimen Bukit Gelugor.

"Harga rumah yang mahal menyukarkan penduduk untuk memiliki rumah sendiri, sepatutnya tanah yang ada dibina dengan lebih banyak rumah kos rendah, bukannya menjual tanah itu kepada pemaju," katanya kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Manifesto dan Slogan Parti iaitu 'Cintai Pulau Pinang' di sini, Rabu.

Selain itu, Huan juga akan membuka tiga pusat khidmat di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri di bawah parlimen itu iaitu Seri Delima, Air Itam dan Paya Terubong sebagai usaha mendekati penduduk setempat serta memudahkan mereka membuat aduan untuk pelbagai masalah dihadapi.

Dalam manifesto itu, Huan juga berjanji meningkatkan serta menaik taraf rumah pangsa, pasar serta kemudahan awam untuk persekitaran yang lebih kondusif dan memberi keselesaan kepada penduduk setempat.

Lima lagi intipati yang terkandung dalam manifesto itu ialah memastikan penduduk Pulau Pinang menikmati kualiti hidup yang baik dan pembangunan yang mapan, menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas melalui pelan induk pengangkutan yang berkesan dan audit tanah kerajaan negeri.

Seterusnya ialah memastikan penguatkuasaan ketat dasar pembangunan dengan hukuman yang lebih berat khususnya pembangunan di cerun-cerun bukit bertujuan memelihara keseimbangan ekosistem untuk generasi masa hadapan.

Huan juga menegaskan bahawa PCM akan berusaha membuat permohonan dana persekutuan daripada pelbagai kementerian bagi melaksanakan pelbagai dasar untuk pembangunan penduduk setempat.

Pilihan raya kecil Bukit Gelugor pada 25 Mei ini menyaksikan pertembungan empat penjuvu iaitu antara Huan, Ramkarpal Singh Deo dari DAP dan dua calon bebas iaitu Mohamed Nabi Bux Mohd Nabi Abdul Sathar dan Abu Backer Sidek Mohamad Zan.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian penyandanginya Karpal Singh dari DAP dalam kemalangan jalan raya pada 17 April lepas. Pada pilihan raya umum 2013, Karpal Singh memenangi kerusi itu dengan majoriti 42,706 undi menewaskan calon Barisan Nasional (BN) Teh Beng Yeam, yang memperoleh 13,597 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038156>